



(10 April 2020) SINAR HARIAN

Wanita 23 tahun korban termuda di Malaysia

Dua kematian direkodkan semalam menjadikan jumlah kumulatif kematian sebanyak 67 kes

Oleh TUAN BUQHAIKHAH
TUAN MUHAMAD ADNAN

PUTRAJAYA

Dua kematian kes Covid-19 direkodkan semalam termasuk seorang wanita berusia 23 tahun yang menjadi korban termuda wabak itu di negara ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, ini menjadikan jumlah kumulatif kematian ialah 67 kes.

"Kes kematian ke-66 melibatkan pesakit kes ke-2,798 yang merupakan lelaki berusia 59 tahun dan mempunyai latar belakang penyakit autoimun dan beberapa penyakit kronik yang lain.

"Pesakit mempunyai sejarah menghadiri perhimpunan di Sri Petaling.

"Dia telah dirawat di Hospital

Melaka pada 31 Mac dan disahkan meninggal dunia 5 pagi tadi (semalam)," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Beliau berkata, kes kematian ke-67 melibatkan kes positif ke-2,864 yang merupakan wanita berumur 23 tahun serta mempunyai penyakit tiroid.

"Dia mempunyai sejarah kontak rapat dengan dua kes positif Covid-19 iaitu kes ke-2,469 dan kes ke-2,470 dan merupakan kes generasi kelima kluster persidangan gereja di Kuching, Sarawak.

"Dia telah dirawat di Hospital Umum Sarawak pada 30 Mac dan disahkan meninggal 9.42 pagi tadi (semalam)," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat (CPRC) Kebangsaan merekodkan 121 kes yang telah pulih dan dibenarkan discaj semalam.

"Ini menjadikan jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya daripada Covid-19 dan telah discaj dari wad adalah sebanyak 1,608 kes iaitu 38 peratus daripada



DR NOOR HISHAM

jumlah keseluruhan kes," katanya.

Menurutnya, sebanyak 109 kes baharu jangkitan direkodkan semalam sekali gus menjadikan jumlah kumulatif keseluruhan 4,228 kes.

"Ini bermakna, bilangan kes yang discaj hari ini (semalam) juga adalah melebihi bilangan kes baharu yang dilaporkan," ujarnya.

Katanya, seramai 72 kes positif sedang dirawat di unit rawatan rapi (ICU).

"Daripada jumlah tersebut, 43 kes memerlukan bantuan pernafasan," katanya.

Sementara itu, Dr Noor Hisham berkata, sebanyak 50 peratus pesakit Covid-19 di ICU telah pulih sepenuhnya daripada wabak tersebut.

Beliau berkata, kejayaan itu berdasarkan kaedah rawatan semasa dan latar belakang pesakit.

"Antara 40 hingga 50 peratus pesakit di ICU telah pulih dan selebihnya kembali ke wad biasa atau meninggal dunia ketika rawatan," katanya.

416 warga asing positif Covid-19

PUTRAJAYA - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mengesan sebanyak 416 kes positif Covid-19 dalam kalangan warga asing di negara ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, jumlah itu termasuk dua kes kematian yang dilaporkan sebelum ini.

"Daripada jumlah tersebut, 51 kes terdiri daripada warga Indonesia, India (37 kes), Myanmar (31 kes) Pakistan (29 kes) dan Filipina (27 kes)," katanya di sini semalam.

Menurutnya, negara terbabit telah dimaklumkan mengenai perkara tersebut.

"KKM bekerjasama rapat dengan pihak Pesuruhjaya Bangsa-bangsa Bersatu Bagi Pelarian (UNHCR) bagi memastikan golongan pelarian dan pemohon suaka politik turut diliputi dalam aktiviti pencegahan dan kawalan yang dilaksanakan kerajaan," katanya.

Sementara itu, Dr Noor Hisham berkata, bekas pesakit Covid-19 digalakkan untuk mender-

ma plasma bagi tujuan penyelidikan terhadap wabak tersebut.

Katanya, ujian saringan akan dilakukan terhadap penderma sebelum prosedur pengambilan plasma dimulakan.

"Kita menggalakkan tetapi mereka perlu lalui proses saringan seperti saringan Covid-19 dan penyakit berjangkit lain," katanya.

Menurutnya, hanya plasma yang diambil daripada penderma dan darah merah akan dipulangkan semula.

"Darah mempunyai dua komponen iaitu darah merah dan plasma.

"Kita perlukan plasma manakala darah merah dipulangkan, jadi penderma tiada rasa kekurangan darah," katanya.

Beliau berkata, plasma tersebut akan dihantar ke Institut Penyelidikan Perubatan (IMR).

"Jika kepekatan antibodi bekas pesakit itu tinggi, besar kemungkinan kita akan gunakan plasma bekas pesakit itu untuk merawat pesakit lain," kata Dr Noor Hisham.

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM

